



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA
KENYATAAN MEDIA

**PEMBUKAAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT SRI AMAN BAGI PROJEK
LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK**

SRI AMAN – Fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo sepanjang lebih 786 km merentasi bahagian utara Pulau Borneo hampir siap sepenuhnya. Hari ini satu lagi persimpangan bertingkat di bawah projek pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu Persimpangan Bertingkat Sri Aman dibuka secara rasmi kepada orang ramai.

Majlis bersejarah ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof dan turut dihadiri oleh YB. Ir Aidel Bin Lariwoo, Timbalan Menteri Infrastruktur Dan Pembangunan Pelabuhan (Pembangunan Infrastruktur).

Kos keseluruhan bagi pembinaan persimpangan bertingkat Sri Aman ini adalah RM28.8 juta dengan keluasan 19.4 hektar sepanjang 1 km. Persimpangan bertingkat Sri Aman ini mula dibina pada 1 September 2016 dan telah dibuka untuk kegunaan pengguna jalan raya pada 30 Ogos 2022.

Projek di bawah peruntukan Kerajaan Persekutuan ini mampu membantu menyuraikan trafik dari Serian ke Sri Aman dan Betong untuk bergerak dengan lebih selesa dan selamat. Selain itu, ianya akan menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitarnya contohnya Lachau, Temudok, Sri Aman, Engkilili dan Skrang dengan akses jalan raya yang lebih baik.

Pelaksanaan projek ini juga merupakan bukti komitmen Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan rangkaian jalan raya sedia ada, secara lebih terancang, sistematik dan efisien. Ia juga dilakukan bagi meningkatkan kesalinghubungan Keluarga Malaysia di Sarawak.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA
4 SEPTEMBER 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur